

UCAPAN OLEH: DATO' SERI DR. MAHATHIR BIN MOHAMAD
(PERDANA MENTERI)

UPACARA: PEMBUKAAN RASMI BANGUNAN KUWASA

TEMPAT: BANGUNAN KUWASA, JALAN RAJA LAUT, KUALA LUMPUR

TARIKH: 14 MAY 1985

MASA:

Yang Berhormat Menteri Kewangan,
En. Daim Zainuddin;
Yang Berbahagia Tan Sri Thong Yaw Hong,
Pengerusi Lembaga Kumpulan Wang Simpanan
Pekerja;
Yang Berhormat-Yang Berhormat;
Dif-Dif Kehormat;
Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

Saya mengucapkan terima kasih kepada Lembaga Pengarah Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kerana menjemput saya ke Majlis ini dan seterusnya untuk merasmikan Bangunan KUWASA ini.

2. Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang ditubuhkan sejak sebelum merdeka lagi telah berjaya memberi perlindungan sosial dan kewangan kepada ahli-ahli untuk kehidupan mereka khususnya selepas bersara. Ini dapat dilakukan melalui berbagai kemudahan pengeluaran wang simpanan. Saya berharap KWSP akan berusaha memikirkan sekim-sekim lain bagi membantu ahli-ahlinya.

3. KWSP telah berkembang dengan pesatnya daripada segi jumlah caruman dan juga ahli. Aset terkumpul KWSP telah meningkat lebih daripada 20.2 ribu juta ringgit dan ahlinya pula sekarang seramai kira-kira 4.6 juta orang. KWSP adalah kumpulan wang simpanan yang terbesar dan yang terpenting sekali di negara kita. Justeru itu KWSP berpotensi sebagai sumber hutang yang besar untuk kepentingan negara. Misalannya KWSP telah menyediakan sebanyak 2,320 juta ringgit melalui pembelian surat-surat jaminan Kerajaan Persekutuan pada tahun lalu. Ini merupakan 72.7% daripada jumlah bersih keperluan pembiayaan dalam negeri Kerajaan Persekutuan. Ini jelas menunjukkan pentingnya KWSP sebagai sumber wang dalam negeri untuk pembangunan negara. Di samping itu pekerja-pekerja yang menjadi ahli akan mendapat faedah daripada peminjam yang terjamin.

4. Saya berbangga kerana semakin hari semakin ramai ahli KWSP yang telah mendapat faedah daripada sekim pengeluaran wang simpanan bagi membeli rumah. Setakat ini, sejumlah 115,326 orang ahli telah mendapat faedah di bawah sekim ini

dan KWSP telah mengeluarkan sejumlah 475.8 juta ringgit bagi tujuan tersebut. Di sini saya berharap KWSP akan menggubal cara-cara lain yang bersesuaian bagi membolehkan ahli-ahlinya menggunakan lebih luas lagi wang simpanan mereka di KWSP.

Tuan-tuan dan puan-puan,

5. Tahun ini masih dianggap tahun pemulihan ekonomi negara selepas beberapa tahun kemelesetan ekonomi dunia. Tetapi pemulihan ekonomi diramalkan tidak serancak atau secepat tahun lalu. Ramalan ini berdasarkan kepada pertumbuhan ekonomi yang sederhana tahun ini bagi negara-negara perindustrian utama dan seterusnya akan memberi kesan ke atas pertumbuhan ekonomi negara kita yang masih lagi bergantung kepada pasaran eksport. Walaupun demikian kita masih lagi boleh memperbaiki ekonomi kita jika kita sanggup berusaha meningkatkan produktiviti kita -- iaitu mengurangkan kos dan menjadikan barangan kita lebih bersaing atau 'competitive' di pasaran dunia. Di samping itu, kita perlu mengurangkan perbelanjaan pembelian barangan dari luar negeri dengan menyokong kempen membeli barangan buatan Malaysia.

6. Usaha yang dapat kita lakukan bukanlah perkara baru, tetapi perkara yang pernah kita bincangkan, tetapi amalannya sahaja patut dipertingkatkan. Tidak ada gunanya kita mengeloh dan meratap berkenaan kemelesetan ekonomi dunia jika kita tidak sanggup membuat apa yang kita mampu buat sendiri untuk memulihkan ekonomi kita.

7. Agensi-agensi awam hendaklah memainkan peranan yang lebih utama bagi menjamin ekonomi yang kukuh. Satu perkara yang kurang ditekankan oleh agensi-agensi awam atau badan-badan Kerajaan ialah kos atau perbelanjaan. Agensi-agensi Kerajaan jangan memikirkkan kalau kos pengurusan mereka tidak menjadi masalah kerana punca wang mereka besar dan dibantu oleh Kerajaan. Sesuatu kelalaian dan gejala buruk sudah tentu memberi kesan buruk juga. Di sini akhirnya setiap anggota perkhidmatan awam dan negara akan menanggung beban yang berat akibat daripada sebarang kelalaian. Sebaliknya agensi-agensi awam haruslah berhati-hati dan menjaga kos dan segala perbelanjaan, terutama bagi projek-projek supaya tidak melebihi daripada yang dianggarkan. Kecekapan pengurusan wang dan sikap bertanggungjawab mestilah wujud pada setiap agensi dan pegawai.

8. Kerajaan pula akan sentiasa berusaha mengawal rapi perbelanjaan Kerajaan, bahkan belanjawan negara dua tahun yang lalu telah dikurangkan bersesuaian dengan keupayaan kewangan negara. Sekarang ini kita mengambil kira perbelanjaan agensi-agensi yang dikenali sebagai 'agensi luar belanjawan' atau 'off-budget agencies'. Sebuah jawatankuasa antara agensi yang dipengerusikan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah ditubuhkan bagi mengawasi secara rapi perbelanjaan agensi-agensi

tersebut. Perbelanjaan agensi-agensi tersebut akan dikawal seperti jabatan-jabatan Kerajaan yang lain apabila Kerajaan menyediakan anggaran perbelanjaan negara, terutama bagi Rancangan Malaysia Kelima. Sebelum ini, agensi-agensi luar belanjawan ini dikelaskan sebagai sektor swasta dan agensi-agensi itu bebas menggubal belanjawan masing-masing. Kerajaan telah juga mengenal pasti 14 pihak berkuasa awam bagi pengawasan segera ke atas perbelanjaan mereka. Kerajaan akan menganalisa dan menggubal dasar-dasar yang difikirkan bersesuaian. Ini merupakan satu contoh di mana Kerajaan mengambil tindakan ke atas perbelanjaan agensi-agensi awam dan perbelanjaan Kerajaan seluruhnya supaya selaras dengan keupayaan atau kedudukan kewangan negara. Di samping tindakan ini, agensi-agensi awam hendaklah berusaha sendiri ke arah cita-cita menurunkan perbelanjaan ini. Jika sekarang ini kita tidak terperangkap dengan hutang yang besar seperti beberapa buah negara di Amerika Latin, sebabnya ialah kerana kita cepat bertindak. Pengorbanan yang kita buat sekarang akan menjadikan masa depan kita lebih cerah.

9. Selaras dengan seruan ini, saya berharap pihak pengurusan KWSP akan sentiasa mengamalkan pengurusan kewangan yang berhati-hati dan 'prudent'. Langkah ini bukan sahaja akan memelihara kepentingan ahli-ahlinya, tetapi juga nama baik badan-badan awam.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

10. Menyentuh Bangunan KUWASA ini, saya berharap langkah ulung KWSP memasuki sektor harta akan memberi keuntungan kepada ahli-ahlinya. Oleh kerana sebahagian besar ruang pejabat di Bangunan ini akan disewa, langkah ini akan memberi contoh kepada perbadanan dan syarikat Kerajaan tentang mengutamakan hasil -- iaitu hasil sewa -- daripada mendirikan bangunan bagi meluaskan lagi ruang pejabat masing-masing. Kalau menambah ruang pejabat yang benar-benar diperlukan tidaklah menjadi halangan, tetapi meningkatkan ruang pejabat untuk meningkatkan 'prestige' adalah membazir. Justeru itu sekiranya terdapat ruangan lebih yang boleh disewa, usaha menyewakannya haruslah dilakukan. Dari perspektif ini, saya mengucapkan syabas kepada pihak Lembaga KWSP yang memilih mendapatkan hasil daripada menambah ruang pejabat sendiri.

11. Di samping itu saya berharap KWSP akan meningkatkan kecekapannya dalam memberi perkhidmatan kepada ahli-ahlinya. Sebarang kritikan yang diterima hendaklah diteliti dengan fikiran yang terbuka dan mengambil langkah-langkah yang perlu bagi mengatasi kelemahan-kelemahan yang didapati.

12. Akhirnya sekali lagi saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Lembaga KWSP dan semua kakitangannya kerana menjemput saya ke upacara ini. Dengan ini saya dengan sukacitanya membuka Bangunan KUWASA ini dengan rasminya. Terima kasih.

